



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 24 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MUNTAH PAUS CUMA ASID LEMAK, DALAM NEGERI, UM -33 BUKAN MUNTAH IKAN PAUS, NEGERI TERENGGANU, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	SAINDIS MARDI CEMERLANG DI ITEX 2021, UM -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	151 PEKEBUN NANAS DI 3 NEGERI RUGI AKIBAT BANJIR, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5. 6.	AGROBANK UMUM PELAN BANTUAN BANJIR, NIAGA, KOSMO -37 AGROBANK TAWAR MORATORIUM BANTU MANGSA BANJIR, BISNES, BH -39	AGROBANK
7. 8. 9.	PENIAGA DIINGAT BERETIKA, PATUHI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG DITETAPKAN KERAJAAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE FARMER USES TISSUE CULTURE WAYS TO GET BANANA SEEDLINGS, NATION, THE STAR -16 PEMBORONG AYAM DIKOMPAN RM1,000, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

24/12/2021

UTUSAN

DALAM

23

MALAYSIA

NEGERI

Aida sedia beri sampel untuk ujian semula di makmal

# Muntah paus cuma asid lemak

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
dan NIK NUR IZZATUL  
HAZWANI NIK ADNAN  
utusannews@mediamula.com.my

**KEMAMAN:** Peniaga yang menjumpai ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus bersedia memberikan sampel berkenaan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melakukan ujian semula di makmal.

Aida Zurina Long, 41, berkata, walaupun akur dengan keputusan analisis dilakukan Jabatan Perikanan dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bahawa objek ditemukannya tidak tulen, namun dia terbuka untuk menerima pandangan lain.

"Jika ada pihak yang meragui keputusan itu dan berminat untuk membuat ujian di makmal lain, saya bersedia memberikan sampel," katanya ketika dihubungi semalam.

Aida Zurina berkata, dia tidak kecewa dengan keputusan berkenaan kerana niatnya semata-mata untuk mengetahui kandungannya sebenar objek itu.

Katanya, sejak daripada awal dia tidak meletakkan harapan tinggi, bahkan tiada angangan untuk menjadi jutawan segera.



**AIDA Zurina Long kini sibuk menguruskan kedai makan miliknya selepas cerita muntah ikan paus menjadi perhatian ramai.**

"Sebab itu saya tidak meletak sebarang harga atau menjualnya lebih awal sebelum keputusan ujian keluar walaupun ada ramai yang berminat untuk membeli.

"Objek ini akan terus disimpan kerana memberi kenangan berharga untuk saya dan keluarga," katanya.

Aida Zurina berkata, pendedahan mengenai penemuan objek itu sebaliknya memberi limpahan rezeki kerana perniagaan

kedai makan yang diusahakannya mendapat sambutan membarangsangkan.

Sementara itu, Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus atau *ambergris* yang dijumpai seorang peniaga di Kemaman, dekat sini disahkan tidak tulen.

Katanya, pengesahan itu dibuat Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan

(PPPL) UMT, Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari selepas analisis yang dijalankan bersama Penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang.

Katanya, hasil uji kaji mendapati sampel berkenaan tidak mengandungi tiga bahan aktif iaitu *ambrein*, *apicoprosterol* dan *coprostanone*, bahkan fizikalnya turut berbeza dengan struktur muntah ikan paus tulen yang seperti batu kapur.



# Bukan muntah ikan paus

Hasil ujian terhadap ketulan dijumpai seorang wanita tidak menunjukkan kehadiran tiga bahan aktif iaitu *ambrein*, *epicoprosterol* dan *coprostanone*

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Ketulan objek yang ditemui seorang wanita ketika memancing di perairan Marang pada November lalu disahkan bukan muntah ikan paus. Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, hasil ujian terhadap ketulan tersebut tidak menunjukkan kehadiran tiga bahan aktif iaitu *ambrein*, *epicoprosterol* dan *coprostanone* di dalamnya yang menjadi elemen penting kepada ketulan sesuatu sampel ambergris.

"Sebaliknya kandungan yang dijumpai pada sampel itu mendapati ia terbentuk daripada pengumpulan bahan organik seperti asid lemak lalu membentuk ketulan sedikit berfiber (berserabut).

"Secara saintifiknya, peratusan terbanyak yang terkandung di dalam ketulan tersebut ialah *pyrazole* (94.56 peratus) dan *pyrrole* (3.34 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut Ruzaidi, muntah ikan paus tulen mempunyai struktur seperti batu kapur dan secara fizikal juga menunjuk-

IH-*pyrazole* yang terdapat bersama ketulan tersebut dan bahan ini mempunyai salah satu struktur gelang heterosiklik dan akan mengeluarkan bau atau aroma apabila dibakar," katanya.

Jelas beliau, sebaik sahaja keputusan rasmi dikeluarkan pada Rabu, satu perbincangan antara Jabatan Perikanan Malaysia dan UMT telah dilaksanakan dan keputusan itu turut disahkan Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) UMT, Profesor Madya Dr Hasrizal Shaari.

Sementara itu, mengulas berkaitan isu perdagangan antarabangsa bagi muntah ikan paus pula, Ruzaidi berkata, ia tertakluk kepada Akta 686 iaitu Perdagangan Antarabangsa mengenai spesies terancam dan memerlukan permit Korvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Mengenai Spesies Terancam (CITES) daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

"Tanpa permit tersebut, pihak yang terlibat boleh dihukum penjara tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan serorang pemancing, Aida Zurina Long, 41, dari Kemasik, Kemaman menemui objek dipercayai muntah paus ketika memancing berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Marang.

Susulan itu, Jabatan Perikanan Negeri Terengganu telah pergi ke rumah wanita itu untuk mengambil sedikit sampel bagi tujuan kajian sama ada ia benar-benar muntah ikan paus atau hanya gumpalan sisa-sisa lain yang dibawa ombak.



Laparan Sinar Harian Online sebelum ini mengenal muntah ikan paus.

kan perbezaan dengan muntah paus tulen.

Beliau berkata, Jabatan Perikanan telah membuat persampelan daripada bahagian ketulan tersebut pada 15 Disember untuk dianalisis oleh Makmal Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Dungun.

"Analisis termal turut dilaksanakan bagi mengetahui takat lebur ketulan yang dijumpai. Melalui analisis tersebut, takat lebur ketulan yang dijumpai adalah 76.04 darjah Celsius sedangkan takat lebur ambergris tulen ialah 82.32 darjah Celsius.

"Dakwaan mengatakan ketulan tersebut mengeluarkan bau yang wang adalah diandaikan daripada bahan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Saintis MARDI cemerlang di ITEX 2021



SAINTIS MARDI menunjukkan kecemerlangan pada ITEX 2021

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya merangkul kejayaan dalam dua pertandingan inovasi peringkat antarabangsa iaitu Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi 2021 (ITEX) dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul (SIIF).

Menurut kenyataan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tersebut, pertandingan-pertandingan tersebut adalah acara yang sering disertai oleh saintis-saintis daripada MARDI bagi mengenengahkan inovasi-inovasi terkini hasil daripada penyelidikan mereka ke peringkat antarabangsa.

MARDI turut menjalankan proses penyaringan, penilaian dan pemantapan di peringkat dalaman kerana kriteria utama penilaian adalah berdasarkan kepada perlindungan harta intelek (IP) dan teknologi berpotensi untuk dikomersialkan ke kumpulan sasar.

“Kami akan mencari inovasi sains atau teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan serta mampu dipindahkan kepada kumpulan sasar seperti petani, peladang, penternak, usahawan dan sebagainya.

“Penyertaan MARDI di dalam ITEX adalah tradisi kami setiap tahun dari 2016 hingga 2020, namun penyertaan kali ini membawa kegemilangan kepada MARDI selepas berjaya merangkul kemenangan besar iaitu sembilan pingat emas dan dua pingat perak,” katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Senarai pingat emas bagi teknologi MARDI di ITEX 2021 adalah varieti padi inbred baharu MARDI – MR315 dan dikenali sebagai Seri Waja, bijirin bernutrisi antosianin daripada ubi keledek Anggun dengan teknologi makanan padat nutrisi, sup bernutrisi mengandungi ekstrak pegaga dan bahan daripada sumber pertanian dan rumpai laut

Inovasi lain ialah keropok lekor lembut sejuk beku berperisa ikan, sotong dan udang, biofungisida berasaskan *Trichoderma* tempatan untuk kawalan penyakit antraknos pada cili dan sistem visi kamera pintar dengan kolaboratif robot untuk membersihkan sarang burung walet.

Kejayaan mereka diteruskan dengan pingat emas seterusnya sistem penderia nutrien tanah untuk pembajaan secara kadar boleh ubah, sistem *on-the-go* aplikasi baja secara kadar boleh ubah dan mesin penanaman nanas separa automatik.

“Bagi pingat Perak pula kami memenangi dengan teknologi varieti padi wangi baharu MARDI – MRQ104 dan dikenali sebagai Kembang Sari dan teknologi pengeluaran hibrid kubis bunga tanah rendah,” katanya.

Sementara itu, penyertaan MARDI di dalam SIIF 2021 membawa dua pingat iaitu satu perak dan satu pingat gangsa daripada tiga penyertaan inovasi dalam kluster produk makanan dan aplikasi kejuruteraan pertanian.

**“Inovasi makanan untuk penuaan sehat berjaya meraih pingat Perak disana dan teknologi aplikasi mudah alih pemantauan pelarasan jentuai padi pula berjaya membawa pulang satu pingat gangsa,” jelasnya.- UTUSAN ONLINE**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 151 pekebun nanas di 3 negeri rugi akibat banjir



KUALA LUMPUR: Banjir yang melanda beberapa negeri sejak Sabtu lalu menyebabkan 151 pekebun nanas menanggung kerugian selepas kawasan tanaman mereka seluas 125.9 hektar terjejas akibat bencana itu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata bencana banjir itu menjejaskan pekebun di tiga negeri dengan

Selangor merekodkan bilangan tertinggi membabitkan 119 pekebun, diikuti Pahang (30 pekebun) dan Perak (dua pekebun).

Beliau berkata, LPNM juga mengenal pasti empat pengusaha Industri Asas Tani Nanas (IAT) di Selangor yang turut terjejas.

"LPNM akan membantu pekebun dan pengusaha nanas terjejas menerusi bantuan awal pemulihan iaitu melalui peruntukan Tabung Bencana LPNM.

"Melalui tabung itu, LPNM memberi bantuan membabitkan input pertanian seperti benih dan baja sebanyak RM2,500 perhektar dengan bantuan maksimum empat hektar," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sahrudin berkata, inisiatif berkenaan dapat membantu pekebun dan pengusaha serta pengusaha IAT yang terjejas.

Sebelum ini, inisiatif Tabung Bencana itu yang dilaksanakan selama 10 bulan bermula Januari lalu membantu 51 pekebun nanas yang terjejas ekoran musibah banjir dan kemarau membabitkan kawasan seluas 50 hektar.

Selain itu, LPNM juga akan memanjangkan permohonan bantuan untuk golongan berkenaan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Tabung Bencana MAFI.

Katanya, Program MAFI Prihatin yang dilaksanakan sejak awal tahun ini, membabitkan pemberian bantuan keperluan asas dan bekalan makanan, akan turut diteruskan bagi membantu golongan berkenaan.

"Sehingga kini, LPNM menyalurkan 3,500 bakul makanan dan lebih 50,000 buah nanas sebagai sumbangan kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19," katanya.

"Bagi mewujudkan platform aduan kepada pengusaha terjejas, LPNM membuka talian hotline bencana banjir 019-8190874/019-8190765 pada 19 Disember lepas atau boleh menghubungi terus pejabat LPNM negeri," katanya. – BERNAMA



# Agrobank umum pelan bantuan banjir

**PETALING JAYA** – Agrobank mengumumkan pelan bantuan banjir bagi pelanggan yang terkesan akibat banjir besar yang melanda negara menerusi pelan penjadualan dan atau penstrukturan semula pembiayaan (R&R) serta tawaran moratorium sehingga enam bulan.

Pelan ini ditawarkan kepada pelanggan yang terjejas di Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan negeri-negeri lain.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, bantuan tersebut adalah untuk mengurangkan beban yang dihadapi mereka.

“Kami memahami cabaran yang dihadapi mereka pada masa sukar ini yang menyebabkan pelbagai kerosakan harta benda, ladang dan kegiatan pertanian pelanggan.

“Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan pernia-



**KHADIJAH**

gaan mereka” katanya dalam kenyataan.

Khadijah menjelaskan, berdasarkan pengumuman daripada Bank Negara Malaysia baru-baru ini, Agrobank juga akan menyediakan bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerusi Kemudahan Bantuan Bencana 2022 (DRF 2022) berjumlah RM200 juta.

Pembiayaan ini akan turut dikongsi bersama bank komersial, Islam dan institusi kewangan pembangunan lain.

## Agrobank tawar moratorium bantu mangsa banjir

Agrobank mengumumkan pelan bantuan banjir bagi pelanggan yang terkesan berikutan banjir melanda negara menerusi pelan penjadualan dan/atau penstrukturan semula pembiayaan (R&R) serta tawaran moratorium sehingga enam bulan, khusus untuk pelanggan yang layak.

Pelan ini ditawarkan kepada pelanggan Agrobank yang terjejas akibat banjir di Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan negeri lain di seluruh negara.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata bantuan yang disediakan itu untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh pelanggan Agrobank yang terkesan berikutan banjir.

"Kami memahami cabaran yang dihadapi ketika situasi banjir ini yang menyebabkan pelbagai kerosakan pada harta benda, ladang dan kegiatan pertanian pelanggan.

"Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan perniagaan mereka.

"Oleh itu, pelan Bantuan Banjir Agrobank diharapkan dapat mengurangkan bebanan serta membantu pelanggan terjejas dalam tempoh yang mencabar ini.

"Ini saat yang sukar bagi rakyat Malaysia dan penting untuk kami memberikan bantuan dalam apa jua cara yang mungkin," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Khadijah berkata, berdasarkan pengumuman daripada Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini, Agrobank juga akan menyediakan bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (MPKS) yang terkesan dengan banjir menerusi Kemudahan Bantuan Bencana 2022 (DRF 2022) berjumlah RM200 juta di mana pembiayaan ini turut dikongsi bersama bank komersial, Islam serta institusi kewangan pembangunan (IKP) lain.

"Kami sedar sesetengah pelanggan memerlukan penanguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka bagi memulihkan semula perniagaan.

"Justeru, bagi pelanggan yang layak, mereka boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan bagi membina semula perniagaan masing-masing.

"Kami di Agrobank turut menghubungi pelanggan bagi membantu mereka menghadapi situasi ini," katanya.

Bantuan Banjir Agrobank yang ditawarkan untuk mengurangkan bebanan mangsa banjir ini merangkumi moratorium pembiayaan bagi pelanggan yang kehilangan punca pendapatan dan mengalami kemusnahan projek akan dipertimbangkan untuk mendapatkan penanguhan pembiayaan ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan.





24 DEC, 2021

## Peniaga diingot beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Peniaga diingot beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak mengingatkan kepada semua peniaga termasuk di bawah Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) agar sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Pengarah KPDNHEP Sarawak Datuk Stanley Tan berkata, kerajaan menyertu agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar yang luar biasa ini yang turut melanda dan memberi kesan kepada rantaian bekalan dunia dan negara.

"Pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tiada elemen pencatutan dalam pasaran," katanya semasa mengadakan walkabout Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Medan Niaga Satok, Kutub Ria di sini, semalam.

Menurut beliau pengumuman di Kuching itu dilaksanakan menyusuli pelaksanaan PJKM di 177 Parlimen serentak minggu lalu di seluruh negara.



**PANTAU:** Tan (kiri) memeriksa harga barang semasa lawatan ke Medan Niaga Satok sempena 'walkabout' Program Jualan Keluarga Malaysia.

Katanya, pelaksanaan PJKM yang dikendalikan KPDNHEP diadakan sebagai inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutama daripada kalangan berpendapatan rendah.

"Program ini merupakan kerjasama antara KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta agensi-agensi di bawahnya dan rakan-rakan strategik

daripada sektor pemborong dan peruncitan dalam menangani situasi kenaikan harga barangan yang melanda dunia dan Malaysia.

"Program ini juga dirancang untuk dilaksanakan dua kali sebulan untuk tempoh 3 bulan bermula 4 Disember 2021 hingga akhir Mac 2022 merangkumi kesemua 222 kawasan Parlimen di lokasi-lokasi yang akan ditentukan dan diumumkan kelak," katanya.

Sementara itu PJKM mena-

warkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

Antara barang-barang yang dijual semasa program ini adalah ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan yang telah diproses.

Manakala agensi kerajaan dan rakan strategik yang terlibat terdiri daripada kalangan pemain industri termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"PJKM diharap dapat menjadi pemangkin kepada masyarakat pengguna untuk merancang pembelian dan membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan belanjan perbelanjaan isi rumah," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut atau penyalaran aduan, orang ramai khususnya boleh lakukan ke talian WhatsApp di 019-279-4317, Portal Aduan e-aduan, kpdnhep.gov.my atau melalui e-mel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my.



24 DEC, 2021

## Peniaga diingat beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak mengingatkan kepada semua peniaga termasuk di bawah Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) agar sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

## Farmer uses tissue culture ways to get banana seedlings

A FARMER from Sabah decided to learn about tissue culture techniques when he had difficulty getting banana seedlings for cultivation, BH Online reported.

David Benjamin Lintua, who works on a 0.81ha banana plantation in Kota Belud, said it had not been easy getting the seedlings, but he came across an organisation in Sabah that had a laboratory that produced seedlings for crops using tissue culture.

The results, he said, were amazing as the bananas could bear fruit two to three months faster than normal seeds.

Lintua said he can now produce banana seedlings of various varieties such as Berangan and Cavendish, besides other crops such as ginger and turmeric.

> A park in Perlis, in which nine varieties of grapes are grown, has become a tourist attraction, *Utusan Malaysia* reported.

State Agriculture Department director Hafizuddin Othman said the grapes were being cultivated for learning and exhibition purposes for now.

The types of grapes grown included White Malaga, Loose Perlette and Black Queen.

"If the production of the grapes improves, we do not rule out the possibility of selling them to visitors," he said.

> Comedian Ebby Yus, whose

house was damaged by the recent floods, said he was not offended by snide remarks circulating online that the tragedy which befell him was God's punishment for him.

"If that's what they feel, I accept their words.

"I would not keep them in my heart," BH Online quoted him as saying.

"Whether they mean it or not, I have forgiven them," he said.

There were also critics who questioned his moving to a house located in risky surroundings.

He acknowledged that there was a river there but said it was not a big one.

"What happened was fated. There is no need to point fingers.

"If it is meant to be, even a house built on a hill could still be struck by a flood," said Ebby, adding that his losses amounted to about RM200,000.



Pemeriksaan dapati pihak terbabit jual ternakan terbabit melebihi harga siling

# Pemborong ayam dikompaun RM1,000

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA NERUS** – Kedegilan se-buah syarikat pemborong ayam mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) membawa padah selepas premis berkenaan dikenakan kompaun baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu, Mohd. Nurkuzaini Ab. Rahman berkata, pemeriksaan mendapati, pemborong terbabit menjual ayam melebihi harga siling ditetapkan iaitu RM8 sekilogram.

"Pemborong di Kuala Terengganu itu didapati menjual ayam pada harga sehingga RM8.30 sekilogram pada 9 Disember lalu.



**MOHD. MURKHUZAINI (dua dari kiri) ketika merasmikan SHMKM peringkat Terengganu di sebuah pasar raya besar di Gong Badak, Kuala Nerus semalam.**

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tereng-

ganu telah mengeluarkan kompaun RM1,000 kepada pemborong itu," katanya selepas

merasmikan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Nurkuzaini berkata, se-banyak lapan premis makanan di negeri ini telah dikompaun atas pelbagai kesalahan dalam Ops Menu yang berakhir Selasa lalu.

Jelasnya, antara kesalahan yang dilakukan ialah tidak memamerkan tanda harga dan menggunakan alat penimbang tidak ditentusahkan.

"Kesemua pengusaha restoran tersebut dikenakan kompaun mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Jumlah keseluruhan kompaun yang dikenakan berjumlah RM2,200. Pemantauan akan diteruskan sehingga kedua skim harga maksimum berakhir 31 Disember ini," katanya.